

26 NOV 1999

Hasmah-Kemiskinan

KEMISKINAN PUNCA KERUNTUHAN INSTITUSI KELUARGA

KOTA BAHARU, 26 Nov (Bernama) -- Faktor kemiskinan boleh menjadi punca runtuhnya sesebuah institusi keluarga jika tidak dibasmi, kata isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Katanya, keluarga yang bahagia juga akan berpecah akibat kemiskinan yang akhirnya boleh menjadikan sesebuah negara itu tidak maju jika tidak berjaya merangka program bagi membasminya.

"Kelantan kini adalah negeri yang termiskin dan kerajaan melalui pelbagai pihak seperti Yayasan Kemiskinan Kelantan sentiasa berusaha memulihkannya," katanya ketika berucap melancarkan Kempen Gerakan Keluarga Bahagia peringkat negeri di sini, hari ini.

Dr Siti Hasmah berada di sini bagi mengiringi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dalam lawatan singkatnya ke Kelantan hari ini.

Beliau berkata Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah melakukan pelbagai usaha dalam melibatkan wanita Kelantan bagi meningkatkan lagi ekonomi mereka dan keluarga.

"Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga mengeluarkan modul-modul bagaimana membentuk keluarga yang bahagia," katanya.

Selain itu katanya, semangat kejiranan yang tinggi juga perlu disemaikan oleh setiap masyarakat di samping tidak mengabaikan sikap hormat menghormati antara satu sama lain.

Menurutnya, agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan juga perlu melibatkan diri dalam aktiviti sosial bagi membina keluarga yang bahagia di negara ini.

"Media massa juga berperanan mendidik masyarakat ke arah hidup yang harmoni," katanya.

Program itu adalah yang kedua di negara ini dilancarkan oleh Dr Siti Hasmah selepas Kedah baru-baru ini. Tiga keluarga telah dipilih sebagai "Keluarga Bahagia" yang akan mewakili negeri ke peringkat kebangsaan tahun depan.

-- BERNAMA

ZI NMO